



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

MAKLUMAN PENGOPERASIAN PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN PRESINT 11, PUTRAJAYA

Putrajaya – Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Presint 11 kini dibuka kepada pengunjung menjadikannya PPK yang ke empat beroperasi di Putrajaya, selepas PPK Presint 8, Presint 16 dan Presint 9.

Bertujuan memberikan khidmat sokongan ke arah mewujudkan masyarakat berilmu serta bermaklumat, Pusat Pembelajaran Kejiranan adalah salah satu kemudahan awam yang disediakan di Putrajaya bagi warga komunitinya. Selain daripada berfungsi sebagai pusat pencarian maklumat dan pembelajaran, PPK juga berkonsepkan sebuah tempat pertemuan dan berinteraksi bagi komuniti sekitarnya.

PPK Presint 11 yang telah beroperasi semenjak 5 Januari 2010 menyediakan pelbagai kemudahan seperti peminjaman buku, pencarian sistem katalog atas talian, kemudahan internet serta ruang pembacaan. Selain daripada itu, pengguna juga boleh membuat peminjaman bahan dengan menggunakan komputer pinjaman layan diri tanpa perlu berurusan di kaunter dan juga boleh memulangkan buku 24 jam sehari dengan memasukkannya ke dalam kotak pemulangan buku (*book-drop*).

Waktu pengoperasian PPK Presint 11 adalah seperti ketetapan berikut:

Selasa – Jumaat	10.00 pagi – 6.00 ptg
Sabtu – Ahad	10.00 pagi – 4.00 ptg
Isnin & Cuti umum	Tutup

Untuk maklumat lanjut berhubung PPK Presint 11, sila hubungi 03-8887 7681.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 18 Januari 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013